

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 2 APRIL 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah bilangan kakitangan kerajaan yang bekerja di Jabatan Peguam Negara mengikut kategori masing-masing serta jumlah peruntukan kerajaan untuk Jabatan tersebut.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan kakitangan yang berkhidmat di Jabatan Peguam Negara setakat 4 Mac 2014 ialah seramai 1,816 orang dengan pecahan mengikut kategori seperti yang berikut:

BIL.	KATEGORI	IBU PEJABAT	PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI (PPUUN)	JUMLAH (IBU PEJABAT + PPUUN)
1.	PENGURUSAN TERTINGGI (JUSA)			
	Pegawai Undang-Undang	40	25	65
	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	1	0	1
	Penasihat Undang-Undang Syariah AGC	1	0	1
	JUMLAH KESELURUHAN	42	25	67

2.	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL			
	Pegawai Undang-Undang	403	340	743
	Pegawai Tadbir Diplomatik, dan lain-lain	51	12	63
	JUMLAH KESELURUHAN	454	352	806
3.	KUMPULAN PELAKSANA <i>(Penolong Pegawai Undang-Undang, Penolong Pegawai Tadbir, Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir, Penolong Pegawai Perpustakaan, Juru Bahasa, Penolong Juruaudit, Penolong Akauntan, Pembantu Perpustakaan, Pegawai Khidmat Pelanggan, Juruteknik Komputer, Pembantu Am Pejabat, Penghantar Notis, Polis Bantuan, Ahli Fotografi dan Pemandu).</i>	514	429	943
JUMLAH BESAR		1010	806	1816

2. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM197,384,000 kepada Jabatan Peguam Negara bagi tahun 2014.

3. Sebagai tambahan, jumlah kakitangan Jabatan Peguam Negara yang berkhidmat di Kementerian/Jabatan/Agensi (Kader) bagi tahun 2014 ialah seramai 554 orang. Walau bagaimanapun, perbelanjaan emolumen bagi kakitangan tersebut adalah di bawah tanggungjawab Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.